

D.R. 48/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR LABUAN 1997

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG BERSAMA

3. Pemegang amanah dan penjaga.
4. Daftar.
5. Tatacara pendaftaran.
6. Kumpulan wang persendirian.
7. Permohonan oleh kumpulan wang persendirian.
8. Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan keizinan bagi kumpulan wang persendirian.
9. Kumpulan wang awam.
10. Permohonan oleh kumpulan wang awam.
11. Kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran kumpulan wang awam.
12. Pengurus dan pentadbir.
13. Permohonan untuk mendapatkan lesen dan pendaftaran.

Fasal

14. Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen dan pendaftaran.
15. Kewajipan dan pelantikan.
16. Akaun dan audit.
17. Prospektus.
18. Hak pelabur.
19. Batasan.
20. Perakuan pematuhan.
21. Butir-butir dan pertukaran alamat.
22. Keizinan, lesen atau pendaftaran.
23. Pembatalan keizinan, lesen atau pendaftaran.
24. Tatacara pembatalan.
25. Rayuan.
26. Tatacara rayuan.
27. Penguatkuasaan.
28. Kerahsiaan.
29. Perubahan peruntukan statutori.

BAHAGIAN III

BURSA

30. Penubuhan Bursa.
31. Undang-undang kecil Bursa.
32. Kaedah-kaedah Bursa.
33. Kuasa jawatankuasa.
34. Berniaga sekuriti.
35. Daftar anggota pedagang.
36. Penyata kewangan Bursa.
37. Orang yang disifatkan tidak menjalankan perniagaan di Malaysia.
38. Penggantungan perdagangan di Bursa.
39. Kuasa Lembaga.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Fasal

40. Tanggung rugi.
41. Percanggahan antara undang-undang.
42. Kuasa pengecualian.
43. Kesalahan dan penalti am.
44. Penyampaian notis, dokumen, dsb.
45. Fee.
46. Salah nyataan.
47. Mengkompaun kesalahan.
48. Pendakwaan.
49. Fee dan penalti.
50. Peraturan-peraturan.
51. Arahan oleh Menteri.
52. Kuasa Menteri untuk membuat pengubahsuaian.
53. Tatacara jika tiada dinyatakan.
54. Ketakpakaian undang-undang tertentu yang ada sekarang.
55. Peralihan.
56. Peruntukan kecualian.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu pada suatu bursa dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"amanah saham" ertinya apa-apa amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia

berhubungan dengan Labuan atau undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, mengadakan kemudahan bagi penyertaan orang-orang sebagai benefisiari di bawah amanah itu dalam apa-apa keuntungan atau pendapatan yang berbangkit daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan mana-mana harta;

"anggota pedagang" ertinya seseorang yang diterima menjadi anggota Bursa dan diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan berniaga sekuriti menurut kaedah-kaedah Bursa;

Akta 443. "bank luar pesisir" ertinya suatu bank yang dilesenkan di bawah subseksyen 6(2) Akta Bank Luar Pesisir 1990;

"berniaga sekuriti" ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang atau mendorong atau cuba untuk mendorong mana-mana orang untuk membuat atau menawarkan untuk membuat—

- (a) apa-apa perjanjian bagi atau dengan tujuan untuk memperoleh, melupuskan, memohon beli, atau mengunderaitkan sekuriti; atau
- (b) apa-apa perjanjian yang maksudnya atau maksudnya yang dikatakan ialah untuk menjamin keuntungan untuk mana-mana pihak daripada keuntungan sekuriti atau dengan rujukan kepada turun naik nilai sekuriti;

"Bursa" ertinya pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan sebagai suatu bursa sekuriti di bawah seksyen 30;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dan jika tiada cara disebut, ertinya ditetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"hari perniagaan" ertinya suatu hari yang dalam mana-mana bahagiannya kemudahan Bursa disediakan kepada anggota pedagangannya bagi maksud perdagangan atau yang

mungkin disediakan jika tidak kerana penggantungan perdagangan yang diperintahkan oleh Lembaga di bawah seksyen 38;

"jawatankuasa" ertinya orang-orang yang padanya pengurusan Bursa terletak hak buat masa ini;

"juruaudit" ertinya seseorang yang berkelayakan untuk melaksanakan audit di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf dan diluluskan oleh Lembaga;

"kaedah-kaedah", berhubungan dengan Bursa, ertinya kaedah-kaedah yang mengawal perjalanan Bursa atau anggota-anggotanya;

"keperluan-keperluan penyenaraian" ertinya kaedah-kaedah yang mengawal atau berhubungan dengan—

- (a) kemasukan ke dalam senarai rasmi Bursa mana-mana pertubuhan perbadanan, kerajaan, pertubuhan tidak diperbadankan atau mana-mana orang lain bagi maksud sebut harga di pasaran sekuriti dan pengeluaran daripada senarai itu; atau
- (b) kegiatan atau kelakuan mana-mana pertubuhan perbadanan, kerajaan, pertubuhan tidak diperbadankan dan mana-mana orang lain yang diterima masuk ke dalam senarai itu yang hendaklah telah diluluskan oleh Lembaga;

"kumpulan wang awam" ertinya suatu kumpulan wang bersama selain suatu kumpulan wang persendirian yang, dengan cara menyiarkan atau mengedarkan prospektus atau dengan apa-apa cara lain, menawarkan mana-mana syer yang diterbitkan olehnya untuk dipohon beli atau dibeli oleh mana-mana orang awam;

"kumpulan wang awam berdaftar" ertinya suatu kumpulan wang awam yang didaftarkan di bawah seksyen 11;

"kumpulan wang bersama" atau "kumpulan wang" ertinya suatu syarikat luar pesisir atau syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf, sesuatu perkongsian atau sesuatu amanah saham yang—

- (a) mengutip dan mengumpulkan wang bagi maksud pelaburan berkumpulan dengan tujuan untuk menyebarkan risiko pelaburan; dan
- (b) menerbitkan syer yang memberi pemegangnya hak untuk menerima apabila diminta atau dalam tempoh yang dinyatakan setelah diminta suatu amaun yang dikira dengan merujuk kepada nilai kepentingan yang berkadar dalam keseluruhan atau sebahagian aset bersih syarikat, perkongsian atau amanah saham itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

dan termasuklah suatu kumpulan wang payung yang syernya adalah dibahagikan kepada beberapa kelas kumpulan wang atau kumpulan wang kecil yang berlainan, dan pesertanya berhak untuk menukar hak dalam satu bahagian bagi hak dalam satu bahagian yang lain;

"kumpulan wang persendirian" ertinya suatu kumpulan wang bersama—

- (a) yang syernya tidak ditawarkan kepada orang ramai dan dipunyai atau dipegang oleh—
 - (i) tidak lebih daripada satu ratus orang pelabur di mana pelaburan kali pertama setiap pelabur itu adalah tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit (atau apa-apa jumlah wang lain yang ditetapkan) atau yang bersamaan dengannya dalam mana-mana mata wang lain;
 - (ii) apa-apa bilangan pelabur di mana pelaburan kali pertama bagi setiap pelabur itu adalah tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit (atau apa-apa jumlah wang lain yang

ditetapkan) atau yang bersamaan dengannya dalam mana-mana mata wang lain; atau

(b) yang telah ditetapkan sebagai suatu kumpulan wang persendirian di bawah seksyen 50;

"Lembaga" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996; *Akta 545.*

"mahkamah" ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"negara atau bidang kuasa yang diiktiraf" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 3(3);

"orang" termasuklah suatu kumpulan wang bersama, suatu syarikat luar pesisir, suatu perkongsian, suatu amanah saham dan suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan;

"pakar" termasuklah jurutera, akauntan, peguamcara, penilai, juruaudit atau mana-mana orang lain yang profesionnya atau reputasinya memberikan kewibawaan kepada pernyataan yang dibuat olehnya;

"pasaran sekuriti" ertinya suatu pasaran saham atau suatu tempat di mana, atau suatu kemudahan yang dengannya—

(a) tawaran untuk menjual, membeli atau bertukar sekuriti dibuat atau diterima dengan tetap; dan

(b) maklumat mengenai harga yang dengannya atau balasan yang baginya orang-orang atau golongan-golongan orang tertentu bercadang untuk menjual, membeli atau bertukar, atau dapat semunasabahnya dijangkakan akan menjual, membeli atau bertukar, sekuriti disediakan dengan tetap;

"pelabur" ertinya seseorang yang mempunyai, atau mempunyai kepentingan dalam, saham yang dikeluarkan oleh suatu kumpulan wang bersama tetapi tidaklah termasuk penaja atau pengendali;

"penaja" ertinya seseorang yang bertindak bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain secara langsung atau tak langsung yang mengambil inisiatif dalam membentuk atau mengelolakan perniagaan suatu kumpulan wang bersama, tetapi tidaklah termasuk seorang penjaga atau seorang pengunderait yang menerima komisen pengunderaitan tanpa mengambil bahagian dalam penubuhan atau pengelolaan perniagaan kumpulan wang bersama itu;

"pengendali", berkenaan dengan kumpulan wang bersama,—

- (a) jika kumpulan wang bersama itu ialah suatu syarikat, seorang pengarah syarikat itu; atau
- (b) jika kumpulan wang bersama itu ialah suatu perkongsian, seorang rakan am perkongsian itu; atau
- (c) jika kumpulan wang bersama itu ialah suatu amanah saham, seorang pemegang amanah bagi amanah itu;

"pengunderait" ertinya seorang yang—

- (a) sebagai prinsipal, bersetuju untuk membeli syer yang diterbitkan oleh suatu kumpulan wang bersama dengan tujuan untuk menawarkannya kepada orang awam; atau
- (b) sebagai ejen suatu kumpulan wang bersama, menawarkan untuk jualan atau menjual kepada orang awam syer-syer yang diterbitkan oleh kumpulan wang bersama itu;

"pengurus" ertinya seseorang yang—

- (a) bagi mendapatkan balasan yang bernilai mengadakan perkhidmatan pengurusan semata-

mata atau dengan nasihat pelaburan atau perkhidmatan pentadbiran berkenaan dengan sekuriti bagi maksud pelaburan termasuk berniaga sekuriti atau apa-apa kegiatan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga; atau

- (b) berhak untuk mengadakan perkhidmatan atau nasihat sedemikian di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf;

"penjaga" ertinya orang yang diamanahkan oleh suatu kumpulan wang bersama dengan penjagaan harta kumpulan wang itu menurut suatu perjanjian yang bermaksud sedemikian;

"pentadbir" ertinya seseorang yang—

- (a) bagi mendapatkan balasan yang bernilai mengadakan suatu kumpulan wang bersama dengan perkhidmatan pentadbiran atau kemudahan sahaja atau dengan perkhidmatan perakaunan; atau
- (b) berhak untuk mengadakan suatu kumpulan wang bersama dengan perkhidmatan atau kemudahan di bawah mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf,

dan termasuklah sesuatu bank luar pesisir, sesuatu syarikat amanah dan sesuatu syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah seksyen 130c Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; *Akta 441.*

"peraturan-peraturan" ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"perkongsian" ertinya suatu perkongsian yang dibentuk di bawah Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 atau di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf walau apa pun apa-apa takrif statutori yang bertentangan dengannya; *Akta 565.*

"prospektus" ertinya apa-apa prospektus, notis, pekeliling, iklan, maklumat, memorandum atau pelawaan bertulis lain yang menawarkan untuk dipohon beli atau dibeli oleh orang ramai mana-mana syer yang diterbitkan oleh suatu kumpulan wang bersama;

"rekod" ertinya suatu kemudahan untuk menyimpan maklumat yang boleh kemudiannya dicapai atau dikeluarkan semula;

"sekuriti" ertinya mana-mana pelaburan yang biasanya dikenali atau yang dapat diperihalkan sebagai sekuriti, dan termasuklah—

- (a) syer, debentur, kumpulan wang, unit, kepentingan dalam perkongsian terhad atau amanah saham atau syarikat dan bon atau nota daripada atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pertubuhan (diperbadankan atau tak diperbadankan), kerajaan, kerajaan tempatan atau pihak berkuasa awam;
- (b) sijil kepentingan atau penyertaan dalam, sijil sementara atau interim bagi, resit bagi atau waran untuk memohon beli atau membeli mana-mana pelaburan, syer, debentur, kumpulan wang, unit, kepentingan, bon atau nota itu; dan
- (c) apa-apa suratcara atau kepentingan lain yang boleh dari semasa ke semasa ditetapkan oleh Menteri, atas syor bertulis Lembaga, sebagai boleh diterima untuk disenaraikan dan didagangkan di Bursa itu;

"setiausaha" ertinya setiausaha Bursa buat masa ini dan termasuklah seseorang pemangku atau penolong setiausaha;

"Suruhanjaya Sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;

Akta 498.

"syarikat" ertinya suatu pertubuhan perbadanan di mana-mana jua diperbadankan atau ditubuhkan;

"syarikat amanah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990; *Akta 442.*

"syarikat luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; *Akta 441.*

"syer" ertinya satu atau lebih syer dalam modal syer suatu syarikat kumpulan wang bersama termasuk, dalam hal suatu syarikat berhad dengan jaminan, kepentingan seseorang anggota syarikat itu dan termasuklah suatu kepentingan dalam suatu perkongsian kumpulan wang bersama dan suatu unit dalam suatu amanah saham kumpulan wang bersama;

"tahun kewangan" ertinya tempoh yang tidak melebihi lima puluh tiga minggu yang pada penghujungnya imbangan akaun kumpulan wang itu dibuat atau, jika imbangan itu tidak dibuat atau jika tempoh lima puluh tiga minggu untuk membuatnya itu telah dilampaui, tahun kalendar;

"undang-undang kecil" ertinya terma bertulis yang dengan berpandu kepadanya jawatankuasa mengawal selia tatacaranya sendiri dan termasuklah apa-apa terma yang terpakai baginya sebagaimana yang terkandung dalam memorandum dan perkara persatuan bagi Bursa.

(2) Suatu syarikat yang diperbadankan atau perkongsian yang dibentuk atau amanah saham yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia yang berhubungan dengan Labuan bagi maksud menjalankan perniagaan sebagai suatu kumpulan wang bersama atau sebagai pengurus atau pentadbir suatu kumpulan wang bersama hendaklah disifatkan sebagai menjalankan perniagaan di Labuan walaupun perniagaan itu dijalankan keseluruhannya di luar Labuan atau di luar Labuan dari suatu tempat perniagaan atau pejabat berdaftar dalam Labuan dan ungkapan "menjalankan perniagaan dari dalam Labuan" termasuklah menjalankan perniagaan di luar Labuan dari suatu tempat perniagaan atau suatu pejabat berdaftar dalam Labuan.

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG BERSAMA

Pemegang
amanah dan
penjaga.

3. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan di dalam atau dari dalam Labuan sebagai—

- (a) seorang pemegang amanah suatu kumpulan wang awam melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat amanah; atau
- (b) seorang penjaga suatu kumpulan wang bersama melainkan jika orang itu ialah suatu bank luar pesisir atau suatu syarikat amanah.

(2) Perenggan 3(1)(a) dan (b) tidak terpakai bagi seseorang yang—

- (a) masih dan terus menjadi seorang pemegang amanah yang berkeelayakan dan diberi kuasa bagi kumpulan wang awam di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf; dan
- (b) telah menerima kebenaran bertulis daripada Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pemegang amanah suatu kumpulan wang bersama di dalam atau dari dalam Labuan.

(3) Bagi maksud Akta ini, "mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf ertinya mana-mana negara atau bidang kuasa sebagaimana yang ditetapkan secara bertulis.

Daftar.

4. (1) Lembaga boleh menyimpan daftar yang berasingan bagi—

- (a) kumpulan wang persendirian;
- (b) kumpulan wang awam; dan
- (c) pengurus dan pentadbir kumpulan wang awam.

(2) Daftar yang dikenendaki di bawah subseksyen 4(1) hendaklah mengandungi—

- (a) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 21 berkenaan dengan setiap orang yang telah diberi keizinan, didaftarkan, atau dilesenkan atau yang telah menerima kebenaran bertulis di bawah Akta ini;
- (b) tarikh keizinan, pendaftaran, lesen atau kebenaran bertulis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) tarikh keizinan, pendaftaran, atau lesen atau kebenaran bertulis itu dibatalkan.

(3) Daftar yang dikehendaki disimpan menurut seksyen ini hendaklah—

- (a) dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (b) tertakluk kepada seksyen 28, terbuka untuk diperiksa oleh orang ramai dalam waktu pejabat apabila dibayar fee pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Lembaga boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang, atas permintaan orang itu, suatu perakuan pematuhan dalam apa-apa bentuk, apabila dibayar apa-apa fee, sebagaimana yang ditetapkan.

(5) Tiada seorang pun yang menjalankan apa-apa kuasa atau menunaikan apa-apa kewajipan di bawah Akta ini boleh, dengan disedarinya, mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana orang yang telah diberi keizinan atau yang telah didaftarkan, dilesenkan atau diberi kebenaran bertulis di bawah Akta ini.

5. (1) Jika Lembaga memberikan keizinan kepada sesuatu kumpulan wang persendirian di bawah seksyen 8, Lembaga hendaklah— Tatacara pendaftaran.

- (a) memasukkan butir-butir berhubungan dengan kumpulan wang persendirian itu dalam daftar yang disenggarakan di bawah seksyen 4; dan

- (b) mengeluarkan suatu sijil kepada kumpulan wang persendirian itu yang menunjukkan tarikh keizinan itu diberikan.

(2) Jika Lembaga membenarkan pendaftaran sesuatu kumpulan wang awam di bawah seksyen 11, Lembaga hendaklah—

- (a) mendaftarkan kumpulan wang awam dalam daftar yang disenggarakan di bawah seksyen 4; dan
- (b) mengeluarkan suatu sijil kepada kumpulan wang awam itu yang menunjukkan tarikh pendaftaran.

(3) Jika Lembaga membenarkan penerimaan sementara di bawah seksyen 11, penaja kumpulan wang awam yang dicadangkan itu hendaklah dalam tempoh tiga bulan yang disebut dalam subseksyen 11(3) menyerahkan kepada Lembaga—

- (a) penerimaan sementara Lembaga;
- (b) bukti yang memuaskan Lembaga bahawa kumpulan wang awam yang dicadangkan itu telah ditubuhkan dengan sah di Labuan atau mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf;
- (c) fee permohonan yang dikehendaki di bawah subperenggan 10(b)(ii); dan
- (d) maklumat yang disebut dalam subperenggan 10(b)(iv).

(4) Jika Lembaga berpuas hati bahawa kumpulan wang awam yang dicadangkan yang disebut dalam subseksyen 5(3) telah mematuhi kehendak-kehendak subseksyen itu, Lembaga hendaklah mendaftarkan kumpulan wang awam itu dan mengeluarkan kepadanya suatu sijil pendaftaran mengikut tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen 5(2).

(5) Jika Lembaga memberikan suatu lesen kepada seseorang atau membenarkan pendaftaran sesuatu syarikat luar pesisir di bawah seksyen 14, Lembaga hendaklah—

- (a) memasukkan butir-butir orang atau syarikat luar pesisir itu dalam daftar yang disenggarakan di bawah seksyen 4; dan
- (b) mengeluarkan suatu lesen kepada orang itu atau suatu sijil kepada syarikat itu yang menunjukkan tarikh lesen itu diberikan atau pendaftaran itu dibenarkan.

(6) Jika Lembaga mengeluarkan suatu kebenaran bertulis menurut subseksyen 3(2) atau subseksyen 12(2), Lembaga hendaklah memasukkan butir-butir yang dinyatakan dalam subseksyen 4(2) dalam daftar yang disenggarakan di bawah seksyen 4.

6. Kumpulan wang persendirian tidak boleh menjalankan perniagaan atau mengatur atau mentadbirkan hal-ehwalnya di dalam atau dari dalam Labuan melainkan jika ia sudah menerima keizinan di bawah seksyen 8. Kumpulan wang persendirian.

7. (1) Permohonan oleh sesuatu kumpulan wang persendirian bagi mendapatkan keizinan di bawah seksyen 8 hendaklah dibuat dengan surat kepada Lembaga dengan menyatakan butir-butir ruang lingkup dan jenis perniagaannya. Permohonan oleh kumpulan wang persendirian.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen 7(1) hendaklah disertakan bersama dengan—

- (a) apa-apa fee permohonan sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan;
- (b) bukti yang memuaskan Lembaga bahawa pemohon adalah—
 - (i) suatu kumpulan wang persendirian; dan
 - (ii) ditubuhkan dengan sah sama ada di bawah undang-undang Malaysia yang berhubungan dengan Labuan atau di bawah

undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf; dan

(c) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 21.

Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan keizinan bagi kumpulan wang persendirian.

Kumpulan wang awam.

8. Lembaga boleh memberikan atau enggan memberikan keizinan kepada sesuatu kumpulan wang persendirian dan boleh memberikan keizinan tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

9. (1) Kumpulan wang awam tidak boleh menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal-ehwalnya di dalam atau dari dalam Labuan melainkan jika pendaftarannya telah dibenarkan di bawah perenggan 11(1)(a).

(2) Penaja sesuatu kumpulan wang awam yang dicadangkan yang telah diberi suatu penerimaan sementara di bawah perenggan 11(1)(b) tidak boleh menjalankan perniagaan atau mengatur atau mentadbirkan hal-ehwalnya tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu.

Permohonan oleh kumpulan wang awam.

10. Permohonan oleh penaja bagi sesuatu kumpulan wang awam yang dicadangkan atau oleh sesuatu kumpulan wang awam kepada Lembaga bagi pendaftaran untuk menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal-ehwalnya di dalam atau dari dalam Labuan hendaklah—

(a) dibuat dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan; dan

(b) disertakan bersama—

(i) suatu pernyataan yang menyatakan ruang lingkup dan jenis perniagaan yang akan dijalankan oleh pemohon di dalam atau dari dalam Labuan;

(ii) apa-apa fee permohonan sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan;

- (iii) suratcara yang dengannya pemohon ditubuhkan atau apa-apa bukti lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk berpuas hati bahawa pemohon ditubuhkan dengan sah di bawah undang-undang Malaysia yang berhubungan dengan Labuan atau di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidarig kuasa yang diiktiraf;
- (iv) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 21; dan
- (v) apa-apa suratikatan, dokumen atau maklumat sebagaimana yang boleh dengan munasabahnya dikehendaki oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

11. (1) Lembaga boleh—

- (a) membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran sesuatu kumpulan wang awam; atau
- (b) membenarkan penerimaan sementara sesuatu kumpulan wang awam yang dicadangkan.

Kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran kumpulan wang awam.

(2) Suatu kebenaran di bawah subseksyen 11(1) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

(3) Sesuatu penerimaan sementara yang dibenarkan di bawah perenggan 11(1)(b) adalah sah dan hendaklah berkuat kuasa selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh ia dibenarkan.

(4) Sesuatu penerimaan sementara boleh diperbaharui bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan apabila permohonan dibuat kepada Lembaga dan disertakan bersama—

- (a) apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga; dan
- (b) apa-apa fee permohonan sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan.

(5) Walaupun penerimaan sementara telah dibenarkan di bawah perenggan 11(1)(b) kepada suatu kumpulan wang awam yang dicadangkan, Lembaga boleh membenarkan pendaftaran kumpulan wang awam yang dicadangkan itu sebagai suatu kumpulan wang awam di bawah perenggan 11(1)(a).

Pengurus dan pentadbir.

12. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan di dalam atau dari dalam Labuan sebagai—

- (a) pengurus suatu kumpulan wang awam melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat luar pesisir yang telah diberikan lesen untuk bertindak sebagai pengurus di bawah seksyen 14;
- (b) pentadbir suatu kumpulan wang awam melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat luar pesisir atau syarikat amanah dan didaftarkan untuk bertindak sebagai pentadbir di bawah Akta ini.

(2) Perenggan 12(1)(a) tidak terpakai bagi seseorang yang—

- (a) masih dan terus menjadi pengurus yang berkelayakan dan diberi kuasa bagi kumpulan wang bersama di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf; dan
- (b) telah menerima kebenaran bertulis daripada Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus atau pentadbir kumpulan wang awam di dalam atau dari dalam Labuan.

(3) Perenggan 12(1)(b) tidak terpakai bagi seseorang yang—

- (a) merupakan suatu bank luar pesisir, suatu syarikat amanah atau suatu syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah seksyen 130c Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; atau

- (b) masih dan terus menjadi pentadbir yang berkelayakan bagi kumpulan wang bersama di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf,

dan telah menerima kebenaran bertulis daripada Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus atau pentadbir kumpulan wang awam di dalam atau dari dalam Labuan.

13. (1) Tertakluk kepada subseksyen 12(2), permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan di dalam atau dari dalam Labuan sebagai pengurus sesuatu kumpulan wang awam hendaklah dibuat kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga secara bertulis.

Permohonan untuk mendapatkan lesen dan pendaftaran.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen 13(1) hendaklah disertakan bersama—

- (a) apa-apa fee permohonan sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan;
- (b) butir-butir sumber kewangan dan tenaga manusia dan kemudahan pentadbiran yang terdapat bagi pemohon untuk menjalankan perniagaannya dengan kompeten dan cekap;
- (c) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 21; dan
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen 12(3), sesuatu syarikat luar pesisir boleh memohon dalam borang yang ditetapkan, yang disertakan dengan apa-apa fee yang ditetapkan, kepada Lembaga bagi pendaftaran sebagai pentadbir suatu kumpulan wang bersama.

Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen dan pendaftaran.

14. (1) Lembaga boleh memberikan atau enggan memberikan lesen atau membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran kepada mana-mana pemohon.

(2) Lembaga boleh enggan memberikan lesen atau membenarkan pendaftaran melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa pemohon itu—

(a) ialah orang yang layak dan sesuai untuk melibatkan diri dalam perniagaan pengurusan atau pentadbiran kumpulan wang bersama; dan

(b) mempunyai atau ada untuk kegunaannya pengetahuan, kepakaran, sumber dan kemudahan yang mencukupi bagi pengurusan atau pentadbiran yang sepatutnya kumpulan wang bersama.

(3) Pemberian lesen atau kebenaran pendaftaran boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

(4) Tertakluk kepada keizinan bertulis Lembaga tiada perubahan boleh dibuat berkenaan dengan pengenalan, tempat tinggal, domisil, pemunyaan atau pemegangan syer pengurus atau pentadbir dalam tempoh kuat kuasa lesen atau pendaftaran.

Kewajipan dan pelantikan.

15. (1) Lembaga mempunyai—

(a) kewajipan untuk menyelia kumpulan wang bersama, pengurus dan pentadbir mengikut Akta ini; dan

(b) dalam dan untuk menunaikan kewajipan itu, kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini.

(2) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana kuasanya atau kewajibannya di bawah Akta ini kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga.

16. (1) Tiap-tiap kumpulan wang awam berdaftar hendaklah— Akaun dan audit.

- (a) menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan rekod dan hendaklah, selepas akhir setiap tahun kewangan menyebabkan disediakan suatu penyata akaun bagi tahun kewangan itu yang hendaklah termasuk suatu kunci kira-kira dan suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum yang terpakai di Malaysia atau di mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf;
- (b) menyimpan apa-apa rekod perakaunan dan penyata kewangan atau salinan-salinan benarnya di tempat perniagaannya di Labuan dan menjadikannya tersedia untuk diperiksa oleh Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga;
- (c) menyimpan di tempat perniagaannya di Labuan dan menjadikannya tersedia untuk Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga apa-apa rekod, penyata, dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang boleh ditetapkan secara bertulis oleh Lembaga;
- (d) dalam tempoh tiga bulan dari akhir setiap tahun kewangan mengemukakan kepada seorang juruaudit penyata kewangan yang disebut dalam perenggan 16(1)(a) dan apa-apa rekod dan maklumat lain yang mungkin dikehendaki untuk diaudit mengikut prinsip pengauditan yang diterima umum di Malaysia atau mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf; dan
- (e) mengadakan atau menyediakan untuk diperiksa oleh semua pelabur kumpulan wang itu penyata kewangan yang disebut dalam perenggan 16(1)(a) berserta dengan laporan juruaudit tentangnya.

(2) Rekod perakaunan dan penyata kewangan yang dikehendaki disimpan mengikut subseksyen 16(1) boleh disimpan dalam mana-mana mata wang dan dalam apa-apa bahasa, tetapi jika disimpan dalam sesuatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suatu terjemahan ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, yang disahkan mengikut cara yang memuaskan Lembaga, hendaklah disimpan oleh kumpulan wang awam berserta dengan rekod perakaunan dan penyata kewangan itu.

Prospektus. **17.** (1) Kumpulan wang awam berdaftar tidak boleh menawarkan sahamnya di dalam atau di luar Labuan kepada orang ramai melainkan jika sebelum tawaran itu dibuat—

- (a) ia menerbitkan dalam bentuk bertulis suatu prospektus yang ditandatangani oleh atau bagi pihak pengendalinya dan pengendalinya telah meluluskan kandungan prospektus itu dan membenarkan penerbitannya; dan
- (b) satu salinan prospektus itu telah difailkan dengan Lembaga.

(2) Setiap prospektus hendaklah—

- (a) memberikan pendedahan yang penuh, yang benar dan jelas tentang—
 - (i) segala fakta dan keadaan yang akan memudahkan seseorang bakal pelabur membuat suatu penilaian yang munasabah dalam menentukan sama ada untuk membeli atau memohon beli syer suatu kumpulan wang awam; dan
 - (ii) apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (b) mengandungi suatu pernyataan yang menyatakan dengan ringkas hak pelabur yang diperuntukkan oleh seksyen 18; dan

(c) jika kumpulan wang telah genap beroperasi selama satu tahun kewangan, disertakan dengan atau mengandungi sebutan tentang terdapatnya penyata kewangan bagi tahun kewangan kumpulan wang itu sebelum saja tarikh tawaran itu dan laporan juruaudit tentangnya.

(3) Lembaga tidak boleh menerima untuk difailkan satu salinan prospektus melainkan jika—

(a) ia disertakan dengan suatu perakuan daripada seorang pakar yang memperakui bahawa ia mematuhi kehendak-kehendak subseksyen 17(2); dan

(b) jika semua atau mana-mana bahagian prospektus itu tidak dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suatu terjemahan prospektus itu atau bahagian itu dalam prospektus itu ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, yang disahkan mengikut cara yang memuaskan Lembaga, difailkan bersama dengan prospektus itu.

(4) Jika apa-apa perubahan terjadi yang pada matannya menyentuh mana-mana perkara yang dikehendaki didedahkan di bawah subseksyen 17(2), kumpulan wang awam berdaftar itu hendaklah dalam masa dua puluh satu hari dari masa kejadian itu memasukkan pindaan itu ke dalam prospektus itu dan memberikan satu salinan prospektus itu kepada setiap pelaburnya dan kepada Lembaga.

(5) Seksyen 28 hingga 39 termasuk kedua-dua seksyen itu dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tidaklah terpakai *Akta 441.* bagi kumpulan wang bersama yang diizinkan atau didaftarkan dengan mematuhi Akta ini.

18. (1) Jika sesuatu kumpulan wang awam berdaftar *Hak pelabur.* menerbitkan suatu prospektus atau apa-apa pindaan kepada prospektus itu yang mengandungi salah nyataan

berhubungan dengan mana-mana perkara yang dikehendaki supaya didedahkan di bawah subseksyen 17(2), seseorang yang membeli mana-mana syer menurut prospektus itu atau pindaan kepada prospektus itu adalah disifatkan telah bergantung pada salah nyataan itu dan hendaklah mempunyai hak yang diperuntukkan dalam subseksyen 18(2).

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen 18(1) boleh memilih untuk menggunakan hak tindakan—

- (a) bagi pembatalan pembelian itu; atau
- (b) bagi ganti rugi,

bersesama atau berasingan terhadap kumpulan wang itu dan tiap-tiap orang yang, walaupun sedar tentang salah nyataan itu, menandatangani prospektus atau pindaan kepada prospektus itu dan menyetujui penerbitannya dan pemfailannya atau menyebabkan ia ditandatangani atau diterbitkan dan difailkan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "salah nyataan" ertinya—

- (a) apa-apa pernyataan yang tidak benar atau mengelirukan tentang apa-apa perkara yang dikehendaki supaya didedahkan di bawah subseksyen 17(2); atau
- (b) sesuatu peninggalan untuk mendedahkan mana-mana perkara.

(4) Tiada seorang pun bertanggung di bawah seksyen ini jika dia membuktikan bahawa pembeli itu membeli syer yang ditawarkan oleh prospektus itu atau pindaan kepada prospektus itu dengan mengetahui salah nyataan itu.

(5) Hak untuk bertindak bagi pembatalan atau ganti rugi yang diberikan oleh subseksyen 18(2) adalah sebagai tambahan kepada mana-mana hak lain yang dipunyai oleh pihak yang terkilan itu menurut undang-undang.

19. Walau apa pun mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain yang berlawanan, apa-apa tindakan di bawah subseksyen 18(2) tidak boleh dimulakan selepas—

- (a) satu ratus lapan puluh hari dari hari pihak yang terkilang itu mula-mula mengetahui salah nyataan itu; atau
- (b) satu tahun dari tarikh transaksi pembelian yang membangkitkan kausa tindakan itu,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

20. Tiap-tiap kumpulan wang awam berdaftar yang menjalankan perniagaan di luar Labuan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf hendaklah pada tiap-tiap tahun, dalam masa sembilan puluh hari dari akhir tahun kewangannya, memfailkan dengan Lembaga suatu perakuan pematuhan daripada pihak berkuasa kompeten yang bertanggungjawab bagi pengawalseliaan dan pengawasan penjalanan perniagaannya di dalam negara atau bidang kuasa yang diiktiraf itu.

21. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan keizinan, pendaftaran, penerimaan sementara atau lesen yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah disertakan dengan butir-butir yang berikut:

- (a) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamatnya untuk penyampaian di Labuan;
- (b) nama dan alamat seorang dalam Labuan yang diberi kuasa untuk mewakili pemohon dan untuk menerima penyampaian bagi pihaknya; dan
- (c) alamat tempat perniagaan pemohon di luar Labuan.

(2) Jika apa-apa perubahan dibuat atau terjadi berkenaan dengan maklumat di bawah subseksyen 21(1), pemohon, apabila diberi keizinan, didaftarkan, diterima

secara sementara atau dilesenkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam masa dua puluh satu hari selepas pertukaran itu terjadi memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang ditandatangani olehnya yang menyatakan jenis pertukaran itu.

Keizinan,
lesen atau
pendaftaran.

22. Sesuatu keizinan, lesen atau pendaftaran yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah—

- (a) dalam bentuk yang ditetapkan;
- (b) menyatakan apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan;
- (c) kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan; dan
- (d) boleh diterima dalam semua mahkamah sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pembatalan
keizman,
lesen atau
pendaftaran.

23. Lembaga boleh, tertakluk kepada seksyen 24 dan subseksyen 25(2), membatalkan apa-apa keizinan, lesen atau pendaftaran di bawah Akta ini—

- (a) atas permintaan pemegang keizinan, lesen atau pendaftaran itu; atau
- (b) jika pemegang keizinan, lesen atau pendaftaran itu—
 - (i) telah berhenti menjalankan perniagaan di dalam atau dari dalam Labuan;
 - (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana terma, syarat, sekatan atau batasan yang dikenakan pada keizinan, lesen atau pendaftaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (iii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan jenayah di mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf;

- (iv) telah dengan disedarinya dan sengaja membekalkan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau tidak mendedahkan maklumat yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (v) sedang menjalankan perniagaan mengikut cara yang Lembaga dengan semunasabahnya percaya adalah menjejaskan kepentingan pelabur-pelabur kumpulan wang bersama; atau
- (vi) telah diisytiharkan bankrap atau telah digulung atau selainnya dibubarkan.

24. (1) Sebelum membatalkan mana-mana keizinan, lesen atau pendaftaran di bawah perenggan 23(b), Lembaga hendaklah— Tatacara pembatalan.

- (a) memberi pemegang keizinan, lesen atau pendaftaran itu notis bertulis tentang alasan yang berdasarkannya Lembaga bercadang untuk berbuat demikian;
- (b) memberi pemegang itu peluang untuk membuat representasi bertulis kepadanya dalam tempoh tiga puluh hari selepas penerimaan notis itu; dan
- (c) menimbangkan apa-apa representasi sedemikian.

(2) Jika Lembaga membatalkan mana-mana keizinan, lesen atau pendaftaran di bawah perenggan 23(b), Lembaga hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang keizinan, lesen atau pendaftaran itu tentang pembatalan itu dan pembatalan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

25. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 25(2), jika Lembaga membuat suatu keputusan mengenai apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Akta ini, Lembaga tidaklah terikat untuk memberikan apa-apa sebab bagi keputusan itu. Rayuan.

(2) Jika Lembaga memutuskan untuk membatalkan sesuatu keizinan, lesen atau pendaftaran di bawah perenggan 23(b), pemegang keizinan, lesen atau pendaftaran itu yang terkilan dengan keputusan itu boleh merayu terhadap keputusan itu di bawah seksyen 26.

(3) Suatu rayuan yang dibawa di bawah seksyen ini menggantung keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat, sementara menunggu penentuan atau peninggalan rayuan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen 25(3), perayu tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan atau aktiviti tanpa mendapat kelulusan bertulis Lembaga terlebih dahulu.

Tatacara
rayuan.

26. Rayuan di bawah subseksyen 25(2) hendaklah dibawa dengan—

- (a) menyampaikan kepada Lembaga suatu notis rayuan dalam masa dua puluh satu hari, atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, selepas perayu menerima notis yang dikehendaki di bawah subseksyen 24(2); dan
- (b) saman untuk mendengar rayuan di hadapan mahkamah.

Penguat-
kuasaan.

27. (1) Bagi maksud menunaikan kewajipan yang dikenakan ke atas Lembaga di bawah Akta ini, Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh pada bila-bila masa yang munasabah secara bertulis mengarahkan mana-mana orang yang baginya Akta ini terpakai supaya—

- (a) memberikan apa-apa maklumat; atau
- (b) memberikan akses kepada dan salinan mana-mana rekod, buku atau dokumen lain yang berhubungan dengan perniagaan orang itu yang dijalankan di bawah Akta ini yang, pada pendapat Lembaga, adalah perlu untuk membolehkannya menentukan pematuhan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Jika—

- (a) suatu kumpulan wang adalah tak solven atau mungkin menjadi tidak dapat mematuhi semua atau mana-mana obligasinya atau hampir akan menggantung pembayaran sehingga apa-apa takat; atau
- (b) mana-mana kumpulan wang, pengurus, pentadbir, pengendali atau penaja sedang menjalankan perniagaan mengikut cara yang Lembaga dengan munasabahnya percaya adalah menjejaskan kepentingan pelabur; atau
- (c) mana-mana kumpulan wang, pengurus, pentadbir, pengendali atau penaja telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa sekarang,

Lembaga boleh—

- (aa) mengenakan terma, syarat, sekatan atau batasan baru atau tambahan ke atas pengendalian kumpulan wang itu atau mengubah atau membatalkan mana-mana terma, syarat, sekatan atau batasan yang telah dikenakan;
- (bb) menghendaki pemecatan mana-mana penaja, pengendali, pengurus atau pentadbir atau penggantinya dengan orang lain yang diluluskan oleh Lembaga;
- (cc) melantik seseorang untuk mengambil alih pengawalan hal-ehwal kumpulan wang itu; atau
- (dd) memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah untuk mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga untuk melindungi kepentingan pelabur dalam, dan pemiutang, kumpulan wang.

(3) Lembaga boleh membawa tindakan dan memulakan prosiding bagi penguatkuasaan mana-mana peruntukan Akta ini atau bagi mendapatkan fee atau jumlah wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini.

Kerahsiaan. **28.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 28(2) dan seksyen 4, apa-apa maklumat, bahan atau dokumen yang diberikan atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini adalah terlindung dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang kecuali atas perintah mahkamah.

(2) Lembaga boleh, atas permohonan mana-mana orang atau pihak berkuasa pengawasan, mengarahkan bahawa mana-mana maklumat, bahan atau dokumen yang dinyatakan yang diberikan atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini oleh mana-mana kumpulan wang bersama tidak boleh dipegang secara rahsia dan hendaklah didedahkan kepada pemohon.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melarang—

(a) apa-apa pelepasan kerahsiaan oleh kumpulan wang bersama; atau

(b) penerbitan oleh Lembaga dan pihak-pihak berkuasa pengawasan lain maklumat dan perangkaan am berhubungan dengan pendaftaran, keizinan dan lesen yang diberikan di bawah, dan pelaksanaan dan penguatkuasaan, Akta ini.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "pihak-pihak berkuasa pengawasan lain" termasuklah pihak berkuasa pengawasan yang relevan di mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf yang menjalankan fungsi-fungsi yang bersamaan dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya Sekuriti mengenai pengawasan atau penubuhan kumpulan wang bersama.

29. (1) Walau apa pun subseksyen 48(2) dan seksyen 55 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang menyatakan yang sebaliknya—

Perubahan
peruntukan
statutori.
Akta 441

(a) sesuatu kumpulan wang bersama yang merupakan suatu syarikat boleh—

(i) mengeluarkan; atau

(ii) menukarkan syer tak boleh tebus yang ada sekarang, sama ada dikeluarkan atau tidak, menjadi,

syer yang hendak ditebus, atau yang boleh ditebus, mengikut pilihan syarikat atau pemegang syer;

(b) apabila menebus atau membeli syer berbayar penuhnya sendiri, sesuatu kumpulan wang bersama yang merupakan suatu syarikat boleh—

(i) membayar balik modal yang berbayar atas syer itu daripada modal yang dibayar, premium syer atau rizab-rizab lain syarikat itu;

(ii) membayar premium, jika ada, daripada keuntungan yang terhasil atau tak terhasil, premium syer atau rizab-rizab lain syarikat itu atas apa-apa terma dan mengikut cara dan pada apa-apa harga sebagaimana yang ditentukan dengan mengambil kira nilai aset saham itu sebagaimana yang ditentukan mengikut undang-undang kecilnya;

(2) Penebusan atau pembelian syernya sendiri oleh sesuatu kumpulan wang bersama yang merupakan suatu syarikat tidak boleh dikira sebagai mengurangkan modal syernya yang dibenarkan dan sesuatu kumpulan wang bersama yang merupakan suatu syarikat hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan syer yang bersamaan mengikut nilai par secara agregat dengan nilai par mengikut

agregat syer yang ditebus atau dibeli sedemikian seolah-olah syer itu tidak pernah diterbitkan dan pengeluaran syer itu di bawah kuasa yang terkandung dalam seksyen ini tidak boleh dikira sebagai menaikkan amaun modal syer yang diterbitkan.

Akta 441. (3) Seksyen 66 hingga 74, termasuk kedua-dua seksyen itu, dan subseksyen 147(2) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tidaklah terpakai bagi sesuatu kumpulan wang bersama yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

(4) Subseksyen 147(1) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 hendaklah terpakai bagi sesuatu kumpulan wang bersama yang merupakan suatu perkongsian atau amanah saham dan kumpulan wang bersama itu hendaklah mematuhi mana-mana batasan dan syarat lain sebagaimana yang ditetapkan.

Akta 208. (5) Peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949 tidaklah terpakai bagi pemegang amanah sesuatu kumpulan wang bersama yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah Akta ini.

Akta 498. (6) Seksyen 32 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 hendaklah terpakai kecuali jika suatu tawaran untuk memohon beli atau membeli syer dalam suatu kumpulan wang bersama yang ditubuhkan di bawah Akta ini dibuat kepada seorang pembeli terkecuali atau seorang bukan pemastautin.

Akta 565. (7) Walau apa pun seksyen 3 Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997, sesuatu perkongsian yang ditubuhkan semata-mata bagi maksud menubuhkan suatu kumpulan wang bersama di bawah Akta ini boleh mempunyai lebih daripada dua puluh orang rakan kongsi.

(8) Bagi maksud seksyen ini—

(a) "pembeli terkecuali" ertinya—

(i) seseorang individu yang mempunyai aset peribadi bersih melebihi sepuluh juta ringgit atau yang senilai dengannya dalam mata wang asing;

- (ii) sesuatu perbadanan yang diperbadankan di Malaysia dengan nilai aset bersih melebihi dua puluh juta ringgit sebagaimana yang ditentukan mengikut kunci kira-kira teraudit yang terbaru perbadanan itu;
 - (iii) orang yang telah diisytiharkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya Sekuriti, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta* sebagai pembeli terkecuali bagi maksud subseksyen ini; dan
- (b) "bukan pemastautin" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta *Akta 442*.
Syarikat Amanah Labuan 1990.

BAHAGIAN III

BURSA

30. Menteri boleh, atas syor bertulis Lembaga, menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang merupakan suatu syarikat luar pesisir menjadi suatu bursa di Labuan dengan nama "Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai-janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Bursa, atas apa-apa terma yang didapatinya patut.

Penubuhan
Bursa.

31. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, menetapkan apa-apa undang-undang kecil sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi maksud menjalankan

Undang-
undang kecil
Bursa.

peruntukan-peruntukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Bursa.

Kaedah-
kaedah
Bursa

32. Bursa boleh, dengan kelulusan Lembaga, membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi—

- (a) syarat masuk dan penerimaan masuk sebagai anggota Bursa dan bagi pengawalseliaan secara am kelakuan anggota pedagang berkaitan dengan perniagaan Bursa;
- (b) kehendak kewangan, perakaunan, penyimpanan rekod, pendedahan dan kecukupan modal yang terpakai bagi anggota pedagang;
- (c) syarat yang di bawahnya sekuriti boleh disenaraikan bagi didagangkan dalam pasaran sekuriti yang dicadangkan akan dikendalikan oleh Bursa;
- (d) syarat yang mengawal berniaga sekuriti oleh anggota pedagang;
- (e) kelas atau kelas-kelas sekuriti yang boleh didagangkan oleh anggota pedagang atau disenaraikan dalam Bursa;
- (f) kerahsiaan berkenaan dengan maklumat yang berhubungan dengan hal-ehwal Bursa dan mana-mana anggota pedagang yang berkaitan dengan perniagaan Bursa;
- (g) timbang tara pertikaian yang berbangkit dari atau yang berkaitan dengan mana-mana pasaran sekuriti yang dikendalikan oleh Bursa;
- (h) penggantungan perdagangan dalam dan pembatalan penyenaian mana-mana sekuriti yang disenaraikan pada Bursa;
- (i) penubuhan dan penyenggaraan suatu kumpulan wang pampasan yang ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa bagi pihak Bursa dan bagi meleviskan wang atas anggota pedagang supaya

dapat dipenuhi apa-apa kos, tuntutan dan perbelanjaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa dari semasa ke semasa;

- (j) menjalankan perniagaan Bursa dengan mengambil kira sewajarnya kepentingan awam;
- (k) pasaran yang adil dan bebas bagi penyenaian dan perdagangan sekuriti;
- (l) apa-apa perkara lain sebagaimana yang didapati perlu atau wajar oleh Bursa bagi pengawalseliaan, pengurusan dan pengawalan dengan sepatutnya dan cekap Bursa dan pasaran sekuriti yang dikendalikan olehnya.

33. (1) Hal-ehwal Bursa hendaklah diuruskan oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam perkara kewangan, perdagangan atau undang-undang yang daripadanya pengerusi dan seorang lain hendaklah dilantik oleh Menteri dan yang lainnya oleh Lembaga. Kuasa jawatankuasa.

(2) Tertakluk kepada Bahagian III, jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa penuh dalam semua perkara untuk mentadbir hal-ehwal Bursa.

(3) Tertakluk kepada seksyen 53, peruntukan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, terpakai dari segala segi bagi orang yang membentuk jawatankuasa seolah-olah orang itu pengarah bagi maksud Akta itu. Akta 441.

34. (1) Tiada seorang pun selain anggota pedagang boleh melibatkan diri dalam atau mengemukakan dirinya sebagai terlibat dalam perniagaan berniaga sekuriti di Bursa. Berniaga sekuriti.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 34(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Daftar
anggota
pedagang.

35. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan suatu daftar anggota pedagang dan hendaklah mencatatkan di dalamnya nama dan alamat anggota pedagang dan tarikh setiap anggota diterima masuk dan terhenti menjadi seorang anggota pedagang.

(2) Daftar anggota pedagang hendaklah tersedia bagi pemeriksaan di pejabat berdaftar Bursa pada waktu perniagaan.

(3) Mana-mana orang boleh menghendaki, dan jika dikehendaki setiausaha hendaklah dengan serta-merta mengadakan, suatu salinan daftar atau mana-mana bahagiannya apabila dibayar fee yang ditetapkan secara bertulis oleh Bursa.

(4) Apa-apa bayaran di bawah subseksyen 35(3) hendaklah dibuat kepada Bursa.

Penyata
kewangan
Bursa.

36. Dalam masa enam bulan dari akhir setiap tahun kewangan Bursa hendaklah memfailkan dengan Lembaga suatu salinan, diperakui oleh setiausaha sebagai salinan benar, penyata kewangan Bursa bagi tahun itu yang disediakan dan diaudit mengikut peruntukan Bahagian VI Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Akta 441.

Orang yang
disifatkan
tidak
menjalankan
perniagaan
di Malaysia.

37. Tiada seorang pun boleh disifatkan melibatkan diri dalam atau menjalankan perdagangan atau perniagaan di Malaysia atau dengan pemastautin Malaysia bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis dengan sebab hanya bahawa—

- (a) sekuriti orang itu disenaraikan dalam pasaran sekuriti yang dikendalikan oleh Bursa;
- (b) orang itu ialah seorang anggota pedagang dan bahawa transaksi dibuat olehnya atau bagi pihaknya melalui kemudahan Bursa; atau
- (c) orang itu mengusahakan kegiatan-kegiatan di Labuan yang bersampingan dengan perjalanan sepatutnya kegiatan yang disebut dalam perenggan 37(a) dan (b).

38. (1) Lembaga boleh mengarahkan Bursa dengan notis bertulis supaya menggantung perdagangan di Bursa sama ada pada keseluruhannya selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima hari perniagaan berturut-turut atau berkenaan dengan sekuriti yang ditentukan selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Lembaga jika Lembaga selepas berunding dengan jawatankuasa memutuskan bahawa penjalanan teratur perdagangan sedang atau yang mungkin terhalang oleh sebab *force majeure*, bencana alam, mogok atau sekat masuk, pemberontakan atau pergolakan politik yang lain atau krisis ekonomi atau kewangan, di mana-mana jua berlaku.

Peng-
gantungan
perdagangan
di Bursa.

(2) Notis supaya menggantung perdagangan hendaklah menunjukkan sebab bagi dan tempoh masa penggantungan itu dan hendaklah berkuat kuasa apabila notis itu diserahkan kepada Bursa.

(3) Lembaga boleh selepas berunding dengan jawatankuasa mengarahkan Bursa supaya melanjutkan tempoh penggantungan perdagangan di bawah subseksyen 38(1), sama ada pada keseluruhannya bagi tempoh-tempoh tambahan yang tidak melebihi lima hari perniagaan berturut-turut atau berhubungan dengan sekuriti yang ditentukan bagi apa-apa tempoh tambahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah dalam tempoh dua hari genap perniagaan memberikan suatu notis bertulis tentang pelanjutan penggantungan itu kepada Bursa dengan menunjukkan dalam notis itu sebabnya dan tempoh masanya dan notis itu hendaklah berkuat kuasa apabila diserahkan kepada Bursa.

(5) Lembaga hendaklah pada hari perniagaan yang mengikuti hari penyerahan notis kepada Bursa di bawah seksyen ini dan jika diminta sedemikian oleh Bursa memberikan suatu peluang kepada Bursa untuk didengar tentang keperluan apa-apa penggantungan perdagangan atau apa-apa pelanjutan penggantungan itu.

(6) Lembaga boleh membatalkan, menarik balik atau mengubahsuaikan apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen 38(1) dan (3) pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh penggantungan atau pelanjutan penggantungan itu.

Kuasa
Lembaga.

39. (1) Bagi maksud Akta ini dan penjalanan perniagaan Bursa dengan sepatutnya dan sebagai tambahan kepada mana-mana kuasa lain yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini Lembaga boleh—

- (a) pada bila-bila masa menyiasat atau menyoal mana-mana transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti yang dibuat oleh mana-mana orang sama ada secara langsung atau tak langsung untuk menentukan jika orang itu telah menggunakan cara atau amalan perdagangan yang tak jujur, tak adil atau tak beretika sama ada cara itu atau amalan perdagangan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau pelanggaran mana-mana kaedah-kaedah atau selainnya;
- (b) menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan maklumat terperinci tentang mana-mana transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti;
- (c) menghendaki pengemukaan, memeriksa dan membuat salinan atau cetakan atau mengambil cabutan daripada mana-mana dokumen, rekod atau benda yang berhubungan dengan—
 - (i) perniagaan atau hal-ehwal Bursa;
 - (ii) apa-apa perniagaan sekuriti;
 - (iii) apa-apa nasihat, laporan atau analisa berkenaan dengan sekuriti; atau
 - (iv) akaun atau rekod mana-mana orang yang terlibat atas apa-apa sifat dengan perkara yang disebut dalam subperenggan

39(1)(c)(i), (ii) atau (iii) dan apa-apa audit atau laporan juruaudit berkenaan dengan perkara yang sama; atau

(d) dengan kuasa suatu waran geledah yang dikeluarkan oleh mahkamah yang bermaksud sedemikian dan dengan atau tanpa bantuan mana-mana orang sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga melainkan jika Lembaga mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah itu, tujuan kemasukan itu mungkin akan terkecewa, dan dalam keadaan sedemikian tanpa waran—

(i) memecah masuk dan menggeledah mana-mana premis, tempat atau barang yang terdapat di atau di dalamnya yang Lembaga mempunyai sebab untuk mengesyaki mungkin terdapat apa-apa dokumen, rekod atau benda yang pengemukaannya dikehendaki menurut kuasa seksyen ini tetapi tidak dikemukakan bagi mematuhi kehendak itu; atau

(ii) mengambil milikan atau melindungi daripada gangguan apa-apa dokumen, rekod atau benda yang pengemukaannya dikehendaki.

(2) Seseorang yang tidak—

(a) mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen 39(1);

(b) dengan kononnya mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen 39(1) memberikan maklumat atau membuat suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir matan; atau

(c) menghalang atau menggalang Lembaga atau orang lain dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah subseksyen 39(1),

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana kuasa lain yang diberikan oleh undang-undang.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Tanggung
rugi.

40. Tiada seorang pun boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diarahkan supaya dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dan dengan niat untuk menjalankan apa-apa kuasa atau menunaikan apa-apa kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini.

Percanggahan
antara
undang-
undang.

41. Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketakselarasan antara Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain, Akta ini hendaklah mengatasinya.

Kuasa
pengecualian.

42. Menteri boleh, atas syor bertulis daripada Lembaga, mengarahkan bahawa mana-mana peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi, atau hendaklah terpakai dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu, kepada mana-mana orang atau golongan orang dan boleh menyertakan apa-apa syarat pada atau membatalkan arahan itu.

Kesalahan
dan penalti
am.

43. (1) Seseorang yang melanggar sesuatu kehendak Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh—

(a) dalam hal suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; atau

- (b) dalam hal seorang individu, didenda tidak melebihi dua setengah juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

44. (1) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan nyata Akta ini, sesuatu notis boleh disampaikan sendiri atau melalui pos biasa atau berdaftar. Penyampaian notis, dokumen, dsb.

(2) Sesuatu notis yang berhubungan dengan kumpulan wang bersama atau Bursa yang dihantar melalui pos biasa atau berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada orang itu yang kepadanya ia dialamatkan pada hari yang mengikut hari notis itu sepatutnya telah diterima mengikut perjalanan biasa pos jika notis itu dialamatkan—

- (a) kepada pejabat berdaftar orang itu;
- (b) kepada alamatnya yang terakhir diketahui; atau
- (c) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses.

(3) Jika seseorang yang kepadanya telah dialamatkan surat berdaftar yang mengandungi suatu notis di bawah Akta ini—

- (a) diberitahu bahawa ada suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya di pejabat pos tetapi dia enggan atau abai untuk mengambil surat itu; atau
- (b) enggan menerima penyerahan surat berdaftar itu apabila dikemukakan,

notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan padanya pada tarikh dia diberitahu bahawa surat itu sedang menunggu untuk dipungutnya atau pada tarikh surat itu dikemukakan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Bagi maksud subsekyen 44(3) suatu affidavit oleh pegawai yang menjaga sesuatu pejabat pos yang menyatakan bahawa sepanjang yang dia tahu dan percaya—

- (a) suatu pemberitahu pejabat pos telah diserahkan di alamat yang terdapat pada suatu surat berdaftar yang memberitahu orang yang kepadanya surat itu dialamatkan bahawa ada suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya; atau
- (b) suatu surat berdaftar telah dikemukakan untuk penyerahan pada orang yang kepadanya surat itu dialamatkan,

hendaklah sehingga akasnya dibuktikan, menjadi keterangan bahawa orang yang kepadanya surat itu dialamatkan telah diberitahu sedemikian atau bahawa surat berdaftar telah dikemukakan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fee.

45. (1) Jika—

- (a) suatu kumpulan wang persendirian telah diberi keizinan;
- (b) suatu kumpulan wang awam telah dibenarkan untuk didaftarkan; atau
- (c) seseorang telah diberi lesen untuk menjadi pengurus atau dibenarkan untuk didaftarkan sebagai pentadbir suatu kumpulan wang bersama,

maka hendaklah kena dibayar bagi tahun itu apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan.

(2) Pada atau sebelum 31 Mac tiap-tiap tahun yang mengikuti tahun keizinan atau lesen diberikan atau pendaftaran dibenarkan, hendaklah dibayar apa-apa fee tahunan sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan.

(3) Fee tahunan yang belum dibayar boleh dituntut dengan guaman oleh Lembaga melalui tindakan sebagai suatu hutang sivil dan sebagai tambahan Lembaga boleh menghendaki, dan mahkamah boleh memerintahkan, pembayaran penalti bagi bayaran lewat sehingga suatu amaun yang bersamaan dengan dua kali amaun fee yang belum dibayar.

46. Seseorang yang—

Salah
nyataan.

- (a) dengan sengaja atau dengan melulu membuat suatu salah nyataan dalam mana-mana dokumen atau bahan atau rekod yang dikehendaki supaya difailkan, dibekalkan atau diserahkan di bawah Akta ini;
- (b) membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah Akta ini yang dia tahu adalah palsu atau mengelirukan;
- (c) dengan disedarinya tidak mendedahkan apa-apa fakta atau maklumat yang dikehendaki supaya didedahkan di bawah Akta ini; atau
- (d) sebagai penjaga atau sebagai orang yang, berseorangan atau bersama seorang lain atau orang-orang lain, memiliki atau mengawal apa-apa maklumat, rekod, buku atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen 27(1) enggan atau dengan sengaja abai untuk mematuhi apa-apa arahan yang sah yang diberikan di bawah seksyen itu,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

47. (1) Lembaga boleh, dengan persetujuan Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk

Meng-
kompaun
kesalahan.

mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Lembaga dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dinyatakan di dalam tawaran itu, yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen 47(1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Lembaga dengan dan tertakluk kepada persetujuan Pendakwa Raya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas tarikh itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen 47(1), dan jumlah wang yang disyaratkan dalam tawaran itu sudah dibayar dengan sewajarnya, pendakwaan tidak boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

Pendakwaan. **48.** Sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis, Pendakwa Raya.

Fee dan penalti. **49.** (1) Segala fee dan penalti yang dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini dan segala jumlah wang yang dibayar di bawah seksyen 47 hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.

Akta 545.

(2) Walau apa pun subseksyen 49(1), segala fee yang dibayar di bawah subseksyen 35(4) hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang Bursa dan boleh digunakan mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil.

50. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi— Peraturan-peraturan.
- (a) menetapkan fee yang kena dibayar di bawah Akta ini;
 - (b) menetapkan borang permohonan yang akan digunakan bagi maksud Akta ini dan perkara-perkara yang hendaklah dinyatakan dalam borang itu;
 - (c) mengawal selia penggunaan mana-mana nama atau mana-mana perkataan atau ungkapan dalam nama yang mempunyai kaitan dengan kumpulan wang bersama;
 - (d) menetapkan kumpulan wang bersama atau sesuatu kelas atau kelas-kelas kumpulan wang bersama sebagai kumpulan wang persendirian;
 - (e) mengawal selia penyiaran iklan yang menawarkan perkhidmatan perdagangan dalam sekuriti atau menawarkan sekuriti untuk dibeli atau dijual dan bentuk atau kandungan iklan itu;
 - (f) penyediaan kunci kira-kira dan akaun untung rugi oleh pedagang dalam sekuriti serta bentuk dan kandungan kunci kira-kira dan akaun untung rugi itu;
 - (g) pengeluaran dan kandungan sesuatu nota kontrak;
 - (h) perniagaan sekuriti bagi akaunnya sendiri secara langsung atau tak langsung oleh seseorang anggota pedagang atau oleh mana-mana orang yang mengadakan maklumat berhubungan dengan sekuriti untuk orang ramai atau yang mempunyai akses kepada maklumat yang berhubungan dengan sekuriti itu yang tidak diserantakan;
 - (i) mengawal selia atau melarang penjualan mana-mana sekuriti oleh seseorang yang bukan pemunya sekuriti itu;

- (j) melarang penggunaan apa-apa alat dan rekaan pemerdayaan dan tipu muslihat berkaitan dengan pembelian atau penjualan sekuriti;
- (k) segala perkara atau benda yang berhubungan dengan penerbitan sekuriti atau penilaian aset oleh orang-orang yang disenaraikan di Bursa;
- (l) segala perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini untuk ditetapkan atau diadakan, atau yang perlu atau yang sesuai untuk ditetapkan atau diadakan, bagi menjalankan atau memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran wajarnya.

Arahan oleh Menteri.

51. (1) Menteri boleh, atas syor bertulis Lembaga mengeluarkan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, arahan—

- (a) melarang penubuhan mana-mana kumpulan wang bersama atau kelas kumpulan wang bersama;
- (b) mengarahkan mana-mana pemegang amanah, penjaga, pengurus, pentadbir, kumpulan wang, anggota pedagang atau Bursa berhenti menjalankan perniagaannya atau sebahagian daripada perniagaannya sama ada dengan serta-merta atau dalam masa yang dinyatakan dalam arahan itu;
- (c) mengarahkan Bursa supaya menjalankan apa-apa perniagaan atau mana-mana bahagian perniagaan itu sama ada dengan serta-merta atau dalam masa yang dinyatakan dalam arahan itu; atau
- (d) meluluskan kemasukan apa-apa sekuriti ke dalam Bursa atau penyenaaraiannya.

(2) Sesuatu arahan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dibatalkan atau diubah oleh Menteri.

52. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2), Menteri boleh bilamana didapatinya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau berikutan dengan lulusnya Akta ini, melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan sekuriti luar pesisir sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kuasa Menteri untuk membuat pengubahsuaian.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 52(1) selepas habis tempoh dua tahun dari mula berkuat kuasanya Akta ini.

53. Sekiranya apa-apa tindakan atau langkah dikehendaki supaya dilakukan atau diambil atau dibenarkan untuk dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada bentuk ditetapkan atau tatacara dinyatakan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan, permohonan boleh dibuat kepada Lembaga bagi mendapatkan arahan-arahan tentang cara bagaimana tindakan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil, dan apa-apa tindakan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahan-arahan itu hendaklah menjadi pelaksanaan sah tindakan atau langkah itu.

Tatacara jika tiada dinyatakan

54. (1) Peruntukan-peruntukan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tidaklah terpakai bagi penubuhan, perjalanan, kegiatan dan perniagaan Bursa.

Ketakpakaian undang-undang tertentu yang ada sekarang. Akta 498. Akta 280.

(2) Subseksyen 7(3), subseksyen 21(2), seksyen 24, seksyen 85, subseksyen 87(2), (4), (5) dan (10) dan subseksyen 93(2), (6) dan (7) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tidaklah terpakai bagi Bursa.

Akta 441

(3) Peruntukan-peruntukan Akta Hari Kelepasan 1951 tidaklah terpakai bagi Bursa dan Bursa boleh menjalankan urusannya selama dua puluh empat jam setiap hari pada mana-mana dan semua hari setiap minggu tertakluk kepada apa-apa batasan atau sekatan yang dikenakan oleh atau menurut undang-undang kecil atau kaedah-kaedah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Akta 369.

Peralihan.

55. Mana-mana orang yang, pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa, sedang menjalankan apa-apa perniagaan atau melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan yang berhubungan dengan kumpulan wang bersama di dalam atau dari dalam Labuan hendaklah dalam tempoh enam bulan, atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga secara bertulis, dari tarikh itu mematuhi Akta ini.

Peruntukan
kecualian.

56. Rukun-rukun ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi kumpulan wang bersama hendaklah terus berkuat kuasa, kecuali setakat yang tidak selaras dengan peruntukan nyata Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan suatu rangka pengawalseliaan bagi mengawal selia sekuriti, termasuk penubuhan serta pentadbiran kumpulan wang bersama di Labuan dan bagi mengadakan peruntukan untuk mewujudkan suatu kemudahan bagi penyenaraian sekuriti itu di suatu bursa.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I adalah berhubungan dengan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan untuk membuat peruntukan tentang tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II memperkatakan penubuhan kumpulan wang bersama.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk membenarkan hanya syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 untuk bertindak sebagai pemegang amanah kumpulan wang awam dan sebagai penjaga kumpulan wang bersama. Bagaimanapun, syarikat luar pesisir yang dilesenkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibenarkan bertindak sebagai penjaga kumpulan wang bersama.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ("Lembaga") kuasa untuk menyimpan daftar yang berasingan bagi kumpulan wang persendirian, kumpulan wang awam dan pengurus dan pentadbir kumpulan wang awam dan menyatakan maklumat yang hendaklah terkandung dalam daftar itu. *Fasal* ini seterusnya memberi Lembaga kuasa untuk menentukan bentuk daftar itu, memperuntukkan bahawa daftar itu hendaklah dibuka untuk pemeriksaan bilamana fee dibayar dan membenarkan Lembaga mengeluarkan perakuan pematuhan. *Subfasal 4(5)* bertujuan untuk melarang mana-mana orang yang terlibat dalam pentadbiran Akta yang dicadangkan ini daripada mempunyai apa-apa kepentingan kewangan sama ada dalam apa-apa kumpulan wang bersama atau dalam mana-mana entiti yang terlibat dalam pentadbiran Akta yang dicadangkan ini.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas Lembaga untuk memasukkan ke dalam daftar yang disebut dalam *fasal 4* butir-butir berhubung dengan kumpulan wang persendirian yang diberi keizinan di bawah *fasal 8*, kumpulan wang awam yang didaftarkan atau diterima sementara di bawah *fasal 11* dan pengurus serta pentadbir yang diberi lesen di bawah *fasal 14*. Lembaga juga dikehendaki mengeluarkan sijil tentang kelulusannya dan merekodkan dalam daftar apa-apa kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah *subfasal 3(2)*, atau *subfasal 12(2)* dalam hal pemohon yang boleh diterima yang bukan dari Labuan.

9. *Fasal 6* bertujuan untuk melarang sesuatu kumpulan wang persendirian daripada beroperasi di Labuan tanpa persetujuan Lembaga.

10. *Fasal 7* bertujuan untuk menghendaki suatu kumpulan wang persendirian memberikan butir-butir yang mencukupi bagi menyokong permohonannya, fee yang dikehendaki dan bukti yang memuaskan bahawa ia telah ditubuhkan dengan sah.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa keizinan bagi kumpulan wang persendirian adalah atas budi bicara Lembaga dan boleh dijadikan tertakluk kepada syarat-syarat.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk melarang sesuatu kumpulan wang awam daripada beroperasi di Labuan melainkan jika didaftarkan di bawah *fasal 11*.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk menghendaki seorang pemohon atau penaja sesuatu kumpulan wang awam yang dicadangkan supaya memberikan butir-butir yang mencukupi bagi menyokong permohonannya, fee yang dikehendaki dan bukti yang memuaskan bahawa ia telah ditubuhkan dengan sah.

14. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa kebenaran pendaftaran atau keengganan untuk mendaftarkan sesuatu kumpulan wang awam dan penerimaan sementara sesuatu kumpulan wang awam yang dicadangkan adalah di atas budi bicara Lembaga dan boleh dijadikan tertakluk kepada syarat-syarat. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi tempoh kesahan penerimaan sementara selama tiga bulan dan membolehkan tempoh itu dilanjutkan.

15. *Fasal 12* bertujuan untuk menghendaki mana-mana pengurus kumpulan wang bersama di Labuan menjadi suatu entiti pertubuhan yang didaftarkan di Labuan dan dilesenkan dengan sewajarnya di bawah *fasal 14* melainkan jika orang itu layak menjadi pengurus di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf dan telah menerima kebenaran bertulis daripada Lembaga. *Subfasal 12(l)(b)* menghendaki supaya pentadbir didaftarkan.

16. *Fasal 13* bertujuan untuk menghendaki seorang bakal pengurus kumpulan wang awam memohon kepada Lembaga untuk mendapatkan lesen dan supaya membayar fee yang dikehendaki, dan memberikan butir-butir tentang sumbernya dan kemudahannya, maklumat di bawah *fasal 21* dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh Lembaga. *Subfasal 13(3)* menghendaki seseorang pentadbir memohon dalam borang yang ditetapkan supaya dia didaftarkan.

17. *Fasal 14* bertujuan untuk memberi Lembaga budi bicara dalam memberikan suatu lesen atau membenarkan pendaftaran kecuali bahawa Lembaga tidak boleh memberikan lesen atau membenarkan pendaftaran melainkan jika Lembaga berpuas hati tentang kesesuaian dan sumber-sumber pemohon. Lembaga boleh mengenakan syarat-syarat kepada sesuatu lesen atau pendaftaran dan keizinan Lembaga adalah diperlukan bagi apa-apa perubahan dalam status pemegang lesen.

18. *Fasal 15* bertujuan untuk menghendaki dan memberi Lembaga kuasa untuk mengawas kumpulan wang bersama, pengurus dan pentadbir dan mewakili kuasanya dan kewajipannya kepada mana-mana orang.

19. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan, penerbitan, pengauditan dan pemeriksaan rekod dan akaun kumpulan wang awam dan supaya akaun disimpan dalam mana-mana mata wang dan bahasa dengan syarat bahawa suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris ada disediakan.

20. *Fasal 17* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas sesuatu kumpulan wang awam berdaftar supaya menerbitkan dan memfailkan dengan Lembaga suatu prospektus yang ditandatangani dan diluluskan oleh pengendali kumpulan wang awam itu sebelum menawarkan syernya kepada orang awam. Prospektus ini mestilah mendedahkan

sepenuhnya segala hal keadaan yang relevan, mengandungi pernyataan yang menyatakan secara ringkas hak pelabur dan mengandungi suatu pernyataan tentang terdapatnya akaunnya yang terbaru. Suatu perakuan pakar adalah dikehendaki sebelum Lembaga boleh menerima sesuatu prospektus untuk difailkan dan, jika prospektus itu tidak dibuat dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris maka suatu terjemahan mestilah disediakan. Apa-apa perubahan matan dalam perkara-perkara yang dikehendaki supaya didedahkan mestilah diterbitkan untuk pelabur dan Lembaga dalam masa dua puluh satu hari. Ia juga bertujuan menjadikan seksyen 28 hingga 39, termasuk kedua-dua seksyen itu, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang berhubungan dengan prospektus, tidak terpakai dalam konteks ini.

21. *Fasal 18* bertujuan untuk memberikan hak kepada pelabur dalam sesuatu kumpulan wang awam untuk memohon pembatalan atau ganti rugi berkenaan dengan apa-apa salah nyataan dalam sesuatu prospektus.

22. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu batasan tempoh masa yang dalam tempoh itu seseorang pelabur yang terkilang boleh menggunakan haknya di bawah *fasal 18*.

23. *Fasal 20* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap kumpulan wang awam yang didaftarkan di Labuan tetapi menjalankan perniagaan di luar Labuan supaya memfailkan dengan Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari dari akhir tahun kewangannya suatu perakuan pematuhan daripada pihak berkuasa yang kompeten di negara atau bidang kuasa yang diiktiraf di mana kumpulan wang awam itu menjalankan perniagaan.

24. *Fasal 21* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pemohon supaya membekalkan butir-butir berkaitan dengan alamatnya di Labuan, orang di Labuan yang dibenarkan menerima penyampaian, alamat mana-mana tempat perniagaan yang mungkin dipunyainya di luar Labuan dan supaya memberitahu Lembaga dalam masa dua puluh satu hari tentang apa-apa perubahan dalam mana-mana butir yang dibekalkan.

25. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya bentuk dan kandungan keizinan, lesen atau pendaftaran yang diberikan atau dibenarkan di bawah Akta yang dicadangkan diputuskan oleh Lembaga, supaya keizinan, lesen atau pendaftaran itu terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan dan supaya ia menjadi keterangan *prima facie* tentang kandungannya.

26. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembatalan sesuatu keizinan, lesen atau pendaftaran yang diberikan atau dibenarkan, sama ada atas permintaan oleh pemegangnya atau seandainya pemegang itu terhenti menjalankan perniagaan, melanggar peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan, disabitkan atas

sesuatu kesalahan, dengan sengaja membekalkan maklumat yang mengelirukan, menjalankan perniagaan dengan cara yang mendatangkan mudarat kepada pelabur-pelabur atau apabila diisytiharkan bankrap atau dibubarkan.

27. *Fasal 24* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi memberikan peluang untuk didengar jika pembatalan hendak dibuat di bawah *fasal 23* dan supaya apa-apa pembatalan berkuat kuasa apabila notis diserahkan oleh Lembaga tentang pembatalan itu.

28. *Fasal 25* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Lembaga tidak wajib memberikan sebab bagi keputusannya tentang mana-mana permohonan. Ia juga memperuntukkan bahawa rayuan boleh dibuat terhadap pembatalan keizinan, lesen atau pendaftaran. Apabila rayuan dibuat, ia mempunyai kesan menggantung keputusan yang dirayukan sementara menunggu penentuannya dan perayu tidaklah boleh menjalankan apa-apa perniagaan atau kegiatan tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Lembaga.

29. *Fasal 26* bertujuan untuk menetapkan suatu tempoh selama dua puluh satu hari bagi membawa sesuatu rayuan melalui saman di hadapan suatu mahkamah yang berbidang kuasa kompeten.

30. *Fasal 27* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya untuk mendapatkan maklumat dan rekod untuk memantau pematuhan Akta yang dicadangkan ini. *Fasal* ini juga memberi Lembaga kuasa untuk menambah atau mengubah syarat-syarat, menghendaki penghapusan atau penggantian pegawai, melantik seseorang untuk mengambil alih kawalan suatu kumpulan wang dan untuk memohon bagi mendapatkan kuasa kehakiman untuk mengambil apa-apa tindakan lain yang difikirkannya perlu. Prosiding boleh dimulakan oleh Lembaga bagi penguatkuasaan dan bagi mendapatkan fee.

31. *Fasal 28* memperkatakan isu kerahsiaan dan, khususnya, memperuntukkan bahawa kecuali berkaitan dengan maklumat yang disimpan dalam daftar yang boleh didapati oleh orang ramai, segala maklumat dan dokumen yang diberikan kepada Lembaga adalah rahsia; pengecualian daripada kerahsiaan adalah diberikan berkenaan dengan suatu pelepasan sukarela kerahsiaan itu dan berkenaan dengan penerbitan oleh Lembaga dan pihak berkuasa pengawasan yang lain maklumat dan perangkaan am.

32. *Fasal 29* memperkatakan peruntukan bagi pengenduran batasan atas aset yang tersedia untuk digunakan dalam menebus syer dalam kumpulan wang bersama dengan syarat bahawa syer itu adalah berbayar penuh. Melalui *subfasal (2), (3), (4), (5)* dan *(6)*, peruntukan-peruntukan statutori yang bercanggah yang dijadikan tidak terpakai.

BAHAGIAN III

33. Bahagian III memperkatakan penubuhan Bursa.
34. *Fasal 30* bertujuan untuk membenarkan Menteri atas syor bertulis Lembaga untuk meluluskan penubuhan suatu bursa dengan nama "Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan".
35. *Fasal 31* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menetapkan undang-undang kecil bagi Bursa tertakluk kepada kelulusan Menteri,
36. *Fasal 32* bertujuan untuk menghendaki Bursa dengan kelulusan Lembaga untuk mengadakan kaedah-kaedah yang serupa dengan kaedah-kaedah penerimaan masuk Bursa Saham, bagi pengawalseliaan, pengurusan dan pengawalan yang sepatutnya dan cekap Bursa dan pasaran sekuriti yang dikendalikannya, termasuklah pewujudan suatu kumpulan wang pampasan dengan mengambil kira kepentingan awam.
37. *Fasal 33* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan hal-ehwal Bursa oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang dan yang daripada mereka pengerusi dan seorang orang lain hendaklah dilantik oleh Menteri dan kesemua mereka ini dianggap sebagai pengarah bagi maksud Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.
38. *Fasal 34* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa hanya anggota pedagang yang boleh berdagang dalam sekuriti di Bursa, dan mewujudkan suatu kesalahan, dan mengenakan penalti bagi, ketakpatuhan *fasal* ini.
39. *Fasal 35* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas setiausaha Bursa supaya menyimpan suatu daftar yang mengandungi butir-butir berhubungan dengan anggota pedagang dan supaya menjadikan daftar itu tersedia untuk diperiksa dan, apabila dibayar fee yang ditetapkan, untuk disalin.
40. *Fasal 36* bertujuan untuk menghendaki Bursa memfailkan penyata kewangan terauditnya dalam tempoh enam bulan dari akhir tahun kewangannya.
41. *Fasal 37* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dianggap sebagai menjalankan perniagaan di dalam Labuan hanya disebabkan ia disenaraikan atau berdagang di Bursa atau mengusahakan kegiatan yang bersampingan dengannya.
42. *Fasal 38* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengarahkan Bursa supaya menggantung perdagangan sama ada pada keseluruhannya selama tempoh tidak melebihi lima hari perniagaan

berturut-turut atau berkenaan dengan sekuriti yang tertentu selama tempoh yang difikirkan patut oleh Lembaga, jika selepas berunding dengan jawatankuasa Lembaga memutuskan adalah patut berbuat demikian. Lembaga mestilah memberikan sebab-sebab ia berbuat demikian. Tempoh penggantungan itu boleh dilanjutkan oleh Lembaga tertakluk kepada pemberian notis bertulis dua hari perniagaan genap dan sebab-sebab baginya. Lembaga mestilah memberi Bursa peluang untuk didengar mengenai perkara penggantungan itu dan boleh membatalkan, menarik balik atau mengubahsuaikan mana-mana arahan penggantungan itu.

43. *Fasal 39* memberi Lembaga kuasa untuk menyoyal atau menyiasat perdagangan di Bursa, menghendaki maklumat terperinci atau pengemukaan dokumen, di bawah kuasa suatu waran untuk memasuki premis yang disyaki mengandungi dokumen yang relevan dan mengambil dokumen itu. Penghalangan kuasa Lembaga di bawah *fasal* ini atau pemberian maklumat yang palsu atau mengelirukan adalah menjadi suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

44. Bahagian IV adalah berhubungan dengan peruntukan-peruntukan pelbagai.

45. *Fasal 40* bertujuan untuk mengadakan tanggung rugi bagi semua orang yang bertindak dengan suci hati dalam menjalankan mana-mana kuasa dan dalam melaksanakan mana-mana kewajipan yang diberikan atau dikenakan oleh Akta yang dicadangkan.

46. *Fasal 41* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa percanggahan antara Akta yang dicadangkan ini dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain hendaklah diputuskan dengan mengikut Akta yang dicadangkan ini.

47. *Fasal 42* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk tidak memakai mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini dalam hal-hal yang sesuai atas syor bertulis Lembaga.

48. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya ketakpatuhan mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan menjadi kesalahan dan, jika tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta yang dicadangkan, bagi penalti yang relevan.

49. *Fasal 44* bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubungan dengan penyerahan notis.

50. *Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran fee tahunan oleh kumpulan wang bersama, oleh pengurus dan pentadbir, bagi penguatkuasaan pembayaran fee ini dan bagi pengenaan suatu penalti kerana kelewatan pembayaran.

51. *Fasal 46* bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya salah nyataan dan ketakpatuhan arahan menjadi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan mengadakan peruntukan bagi penalti yang relevan.
52. *Fasal 47* memperkatakan kuasa yang diberikan kepada Lembaga tertakluk kepada persetujuan Pendakwa Raya untuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
53. *Fasal 48* bertujuan untuk menghendaki semua pendakwaan di bawah Akta yang dicadangkan dimulakan oleh atau dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya.
54. *Fasal 49* bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya fee, penalti dan kompaun yang kena dibayar di bawah Akta yang dicadangkan dikreditkan kepada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.
55. *Fasal 50* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan semua perkara lain yang boleh ditetapkan di bawah Akta yang dicadangkan ini.
56. *Fasal 51* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan penubuhan apa-apa kumpulan wang bersama, untuk mengarahkan orang-orang dan institusi-institusi yang dikawal oleh Akta yang dicadangkan ini untuk berhenti menjalankan perniagaan, untuk mengarahkan Bursa supaya menjalankan perniagaan dan untuk meluluskan penerimaan masuk mana-mana sekuriti ke dalam Bursa.
57. *Fasal 52* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengubahsuaikan mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang berhubungan dengan sekuriti luar pesisir yang difikirkannya patut bagi maksud menghapuskan kesulitan atau berikutan dengan lulusnya Akta yang dicadangkan ini dalam tempoh dua tahun dari permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan ini.
58. *Fasal 53* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk memberikan arahan tentang cara untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini jika tatacara tertentu tidak disediakan.
59. *Fasal 54* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi ketakpakaian Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, bahagian-bahagian tertentu Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Hari Kelepasan 1951.
60. *Fasal 55* bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang menetapkan suatu tempoh selama enam bulan bagi kumpulan wang bersama yang ada di Labuan sekarang untuk mematuhi Akta yang dicadangkan.

61. *Fasal 56* bertujuan untuk menjadikan rukun ekuiti dan *common law* terpakai jika selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2026.]